

MODUL PENCEGAHAN PENYALAHGUNAAN DADAH: PENILIAN KEBERKESANAN ASPEK PENGETAHUAN, KEROHANIAN DAN KEPERCAYAAN MENGENAI BAHAYA DADAH

Amin Al-Haadi bin Shafie, Mohd Azwan Fakhruddin bin Abd Halim, Dini
Farhana binti Baharudin dan Nurhafizah binti Mohamad Yasin

Asian Centre for Research On Drug Abuse (ACREDA), Universiti Sains
Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
Klinik Kesihatan Petra Jaya (KKPJ), Kementerian Kesihatan Malaysia
(KKM), Kuching, Sarawak, Malaysia

amin@usim.edu.my

Abstrak:

Sebuah kajian mengenai keberkesanan modul pencegahan penyalahgunaan dadah dan bahan berasaskan kerohanian telah dijalankan terhadap golongan belia yang tinggal di kawasan berisiko tinggi di utara Semenanjung Malaysia. Kajian ini bertujuan menilai keberkesanan modul tersebut berdasarkan tiga aspek utama, iaitu (1) Pengetahuan tentang dadah, (2) penghayatan spiritual, dan (3) kepercayaan berkaitan penyalahgunaan dadah serta bahan terlarang. Reka bentuk kajian menggunakan kaedah kuasi-eksperimen dengan melibatkan dua kumpulan belia daripada zon berbeza, masing-masing terdiri daripada 33 orang peserta yang dibahagikan kepada kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Kumpulan eksperimen telah mengikuti intervensi psikoedukasi melalui tujuh sesi pertemuan yang dilaksanakan oleh fasilitator terlatih menggunakan modul kerohanian, manakala kumpulan kawalan tidak menerima sebarang intervensi. Hasil perbandingan skor pra dan pasca ujian menunjukkan peningkatan signifikan bagi kumpulan eksperimen dalam aspek pengetahuan (purata skor meningkat daripada 99.45 kepada 106.42), aspek kerohanian (daripada 172.24 kepada 188.12), serta kepercayaan terhadap penyalahgunaan dadah (daripada 28.91 kepada 41.48). Sebaliknya, kumpulan kawalan tidak menunjukkan sebarang perubahan bermakna bagi ketiga-tiga pemboleh ubah yang diuji. Kesimpulannya, modul pencegahan berasaskan kerohanian ini berpotensi membantu belia mengelakkan penglibatan dalam penyalahgunaan dadah dan bahan terlarang, di samping mendorong mereka menjalani kehidupan yang lebih positif.

Kata kunci: Perohanian, Pengetahuan, Dadah

PENDAHULUAN

Susulan daripada kebimbangan masyarakat yang semakin meningkat terhadap bahaya dadah, Dasar Dadah Negara telah digubal pada tahun 2004 dengan matlamat menjadikan Malaysia bebas dadah menjelang tahun 2015, demi melindungi perpaduan sosial, mengekalkan kestabilan negara, serta memperkukuh daya tahan masyarakat. Walau bagaimanapun, selepas lapan tahun berlalu daripada sasaran tersebut, masalah penyalahgunaan dadah masih mengancam negara dan kerajaan terus berusaha gigih membanterasnya. Berdasarkan laporan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), trend penyalahgunaan dadah di Malaysia semakin membimbangkan saban tahun (AADK 2022). Statistik yang dikeluarkan oleh AADK menunjukkan jumlah individu yang dikesan terlibat penyalahgunaan dadah terus meningkat dari 123,139 pada tahun 2021 kepada 137,176 pada tahun 2022. Lebih parah, golongan belia adalah penyumbang jumlah kes penyalahgunaan dadah tertinggi dengan mencecah angka lebih setengah juta yang dikesan sejak tahun 2019 (AADK 2022). Keadaan ini sudah pasti menimbulkan keresahan pelbagai pihak kerana majoriti individu yang terlibat adalah dari golongan muda yang dianggap sebagai aset penting untuk pembangunan dan kemajuan negara pada masa akan datang. Ini menandakan keperluan untuk tindakan yang lebih produktif dan berkesan dalam menangani masalah penyalahgunaan dadah dan bahan di Malaysia.

Kerajaan telah membelanjakan peruntukan yang besar untuk menangani isu ini kerana penglibatan belia dalam dadah memberi kesan besar terhadap negara. Perkara ini dinyatakan oleh Datu seri Zahid Hamidi (2025). Belia merupakan tenaga kerja yang amat diperlukan, namun peningkatan penglibatan mereka dalam penyalahgunaan dadah telah membawa kepada peningkatan jenayah, kos pemantauan polis, kos rawatan kesihatan, serta beban kebajikan penagih. Dalam jangka masa panjang, keadaan ini turut memberi kesan mendalam terhadap ekonomi negara.

Bagi membanteras isu ini, kerajaan melaksanakan pelbagai program pencegahan, antaranya inisiatif Perangi Dadah Habis-habisan (PDH) yang memfokuskan kawasan berisiko tinggi. Program pencegahan sedia ada yang dilaksanakan oleh AADK kebanyakannya berbentuk umum dan kurang menekankan elemen psikospiritual, seperti Program Intelpek Asuhan Rohani (PINTAR), Program Sifar Dadah Sekolah Rendah (PROSIDAR), Sayangi Hidup Elak Derita Selamanya (SHIELDS) dan Tomorrow Leader (AADK, 2020). Program tersebut lebih memfokuskan kesedaran pelajar terhadap

dadah (Walid et al., 2021). Oleh itu, penyelidik melihat keperluan untuk membangunkan modul pencegahan yang mengintegrasikan unsur kerohanian, pengetahuan dan kepercayaan mengenai bahaya dadah, serta menilai keberkesannya. Write your text (first paragraph) here.

PERNYATAAN MASALAH

Permasalahan ketagihan dadah di Malaysia semakin membimbangkan dari hari ke hari walaupun kerajaan telah melaksanakan pelbagai langkah pencegahan yang signifikan (Rozmi et al., 2022). Antara penyumbang tertinggi kepada jumlah penagihan dadah dan bahan adalah daripada golongan belia (Jamilah et al., 2023). Fenomena ini membimbangkan kerana berpotensi menjejaskan masa depan negara. Statistik AADK (2025) turut menunjukkan peningkatan kes relaps penagihan dadah beberapa tahun berturut-turut (2021–2024), yang membuktikan bahawa proses pemulihan sepenuhnya adalah sukar dicapai oleh penagih.

Kajian literatur turut mengesahkan bahawa sumber pencegahan berasaskan pendekatan psikospiritual masih terbatas (Wazir et al., 2020). Oleh itu, penyelidikan ini diharap dapat menyumbang kepada penghasilan pengetahuan baharu dalam bidang pencegahan dadah. Melalui analisis kritikal terhadap keputusan ujian pra dan pasca dalam kumpulan kawalan dan eksperimen, penyelidik dapat menilai keberkesanan modul pencegahan berasaskan kerohanian terhadap penyalahgunaan dadah. Kesedaran tentang penyalahgunaan dadah, menurut Bryan (2000), merangkumi aspek pengetahuan, sikap, dan kepercayaan terhadap tanda-tanda penyalahgunaan dadah. Beliau menegaskan bahawa kesedaran masyarakat mengenai bahaya dadah amat penting bagi memastikan dasar kerajaan dapat difahami dan dilaksanakan dengan berkesan. Secara umum, pembangunan kesedaran awam adalah kritikal untuk menyebarkan pengetahuan berhubung isu ini. Justeru, kajian ini memberi penekanan kepada aspek kepercayaan tentang kemudahan dadah sebagai elemen penting pencegahan. Berdasarkan perbincangan, nilai psikologi seperti kesedaran terhadap dadah, ketegasan diri, dan *locus of control* dilihat berperanan penting dalam membantu belia menghadapi pengaruh negatif rakan sebaya.

KAJIAN LITERATUR

Pengetahuan tentang Penyalahgunaan dadah

Kesedaran adalah tahap pemahaman dan maklumat yang dimiliki individu mengenai isu, situasi atau perkara tertentu. Dalam konteks pencegahan, kesedaran secara khusus merujuk kepada pemahaman dan pengetahuan yang dimiliki individu mengenai potensi risiko dan kesan buruk yang berkaitan dengan penyalahgunaan dadah (Ornell et al. 2020). Pencegahan penyalahgunaan dadah dan bahan dalam kalangan belia memerlukan tahap kesedaran tentang kesan dan akibat daripada faktor risiko penyalahgunaan dadah dan bahan (Chakravarthy, Shah & Lotfipour 2013). Kajian kesedaran mengenai dadah bermula pada awal abad ke-20 dengan penguatkuasaan Akta Harrison pada tahun 1914, yang melarang penggunaan heroin dan menguatkuasakan kawalan terhadap kokain dan opiat (Mark et al. 2023). Saban tahun, terdapat beberapa penyelidik telah menjadi perintis dalam bidang kajian kesedaran 47 dadah dengan menyelidik dan meneroka dari pelbagai sudut. Sebagai contoh, Alsharari & Greenhalgh (2023) membangunkan model matematik untuk memahami bagaimana program kesedaran penyakit boleh memberi kesan kepada kelaziman HIV di kalangan orang yang menyuntik dadah. Kajian ini telah membawa sumbangan yang berharga dalam pemahaman tentang kesedaran mengenai dadah dan membangun teori dan model yang penting dalam penyelidikan ini.

Kepercayaan memberi fokus terhadap makna kehidupan yang diterima oleh seorang individu. Sistem kepercayaan yang kukuh dapat mempengaruhi sikap dan tingkah laku seseorang dalam mengelak daripada terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan bahan (Yigitoglu & Keskin 2019). Secara keseluruhannya, rangka kerja ini telah menyumbang kepada pemahaman teori tentang kesedaran berkaitan dadah dengan menyediakan rangka kerja yang komprehensif untuk mengukur dan menilai pelbagai dimensi pengetahuan, sikap dan kepercayaan orang ramai terhadap penagihan dadah.

Terdapat beberapa kajian mengenai hubungan kesedaran sebagai faktor pelindung terhadap penyalahgunaan dadah. Antaranya adalah kajian oleh Muzaffar et al. (2023) yang bertajuk *Pattern, Knowledge and Attitude Regarding Substance Use Among Youth (11-24 Years): Findings From an Exploratory Survey*. Kajian ini bertujuan untuk menilai pengetahuan, sikap, dan amalan belia mengenai gangguan penggunaan bahan. Kajian ini menggunakan kaedah kajian keratan rentas (crosssectional study) yang dijalankan di kalangan 270 belia. Ujian pra dijalankan menggunakan soalan temubual berstruktur melibatkan maklumat mengenai pengetahuan, sikap dan amalan mengenai gangguan penggunaan bahan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa punca utama penggunaan dadah dalam kalangan lelaki adalah keinginan untuk berseronok (96.07%), sementara majoriti wanita berpendapat

bahawa ia disebabkan oleh perasaan ingin tahu (66.66%). Kesemua responden menunjukkan pengetahuan mengenai penggunaan dadah, dengan rakan sebagai sumber utama maklumat (85.18%), diikuti oleh media elektronik (81.85%) dan kurikulum sekolah (48.51%). Responden juga menunjukkan pengetahuan tentang potensi kesan penyalahgunaan dadah seperti kebimbangan, euforia, kemurungan, kebahagiaan, dan gresif. Majoriti responden berpendapat bahawa dengan sikap positif, dapat membantu rakan yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Justeru, pemerkasaan tahap kesedaran dalam kalangan belia penting sebagai faktor pelindung dengan mendedahkan mereka mengenai risiko dan kesan negatif penggunaan dadah, serta memupuk sikap positif dalam usaha pencegahan dadah.

Pendekatan Kerohanian

Menurut Wazir et al. (2020), terapi psikospiritual Islam merujuk kepada satu bentuk terapi kerohanian yang berasaskan prinsip-prinsip Islam dan bersumberkan wahyu Ilahi. Rahman et al. (2022) pula menyatakan bahawa teras utama kerohanian Islam ialah kesedaran terhadap konsep tauhid, iaitu meyakini bahawa Allah adalah Tuhan Yang Maha Esa. Menurut al-Ghazali (Yatimah & Ninggal, 2008), pembentukan kerohanian seorang Muslim dapat dicapai melalui empat komponen utama, iaitu: Keimanan, Ibadah, Penyucian diri daripada sifat mazmumah, dan Pengisian diri dengan sifat mahmudah.

Pelbagai kajian berkaitan pendekatan kerohanian telah dijalankan di Malaysia dan di peringkat antarabangsa kerana kerohanian dianggap sebagai nilai penting yang membantu manusia membezakan antara perkara baik dan buruk serta mengawal diri daripada melakukan perkara yang dilarang oleh agama. Az-Zahrani (2005) menegaskan bahawa rawatan dan latihan berasaskan psikospiritual adalah penting kerana ia membantu mengembalikan kestabilan jiwa, menguatkan hati serta memperkukuh aspek kerohanian individu. Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Noor (2012), teori al-Ghazali telah dijadikan asas kepada pembangunan Modul Bimbingan "Tazkiyah An-Nafs" yang bertujuan untuk menguji tahap krohanian dan daya tahan dalam kalangan remaja. Kajian lain oleh Abdullah (2014) turut menggunakan model al-Ghazali sebagai rujukan dalam pembinaan modul bimbingan untuk mengatasi masalah kebimbangan dalam kalangan pelajar universiti.

Pencegahan penyalahgunaan dadah telah diletakkan sebagai teras utama dalam dasar dadah negara memandangkan ia berkait dengan keberkesanan dan kepentingan pemulihan dadah (Wazir et al., 2020). Seperti yang diketahui,

pencegahan adalah lebih baik daripada mengubati. Menurut Shafie et al., (2023) penerapan elemen kerohanian, kepercayaan terhadap bahaya dadah, dan ketegasan diri dalam modul pencegahan mampu meningkatkan kesedaran serta kekuatan dalaman individu untuk menolak pengaruh bahan terlarang. Pendekatan psikospiritual Islam yang digunakan dalam modul tersebut bukan sahaja menekankan aspek pengetahuan, tetapi turut menumpukan kepada pembentukan rohani dan moral yang berpaksikan nilai keagamaan.

Kepercayaan terhadap Kemudaratannya Penyalahgunaan Dadah

Menurut Marican (2005), kesedaran merujuk kepada kepekaan terhadap perkara, peristiwa, objek, rawatan serta kesannya terhadap individu. Hoey (2014) pula mentakrifkan kesedaran sebagai pengetahuan atau pemahaman terhadap sesuatu perkara, isu atau situasi. Manusia mampu memahami keadaan di sekeliling mereka melalui pemerhatian dan pengalaman. Dalam kajian ini, fokus kesedaran adalah terhadap pemahaman remaja mengenai penyalahgunaan dadah. Azhar (2004) menyatakan bahawa kesedaran adalah tahap pengetahuan seseorang terhadap apa yang berlaku di persekitaran mereka. Justeru, kesedaran tentang bahaya penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja amat penting bagi mengelakkan mereka daripada terlibat dengan ketagihan dadah.

Kajian yang dijalankan oleh Das et al. (2024) menunjukkan wujud hubungan positif antara tahap kesedaran mengenai penyalahgunaan bahan dan sikap pelajar terhadap dadah. Kajian ini melibatkan sampel pelajar kolej bagi menilai tahap pengetahuan dan kesedaran mereka terhadap bahaya penggunaan bahan terlarang. Hasil dapatan menunjukkan bahawa pelajar yang memiliki tahap pengetahuan dan kesedaran yang lebih tinggi cenderung mempunyai sikap yang lebih negatif terhadap penyalahgunaan bahan. Selain itu, tahap kesedaran pelajar turut berbeza mengikut faktor demografi seperti umur, bidang pengajian, serta latar belakang sosioekonomi keluarga. Kajian ini juga mendapati bahawa kesedaran pelajar terhadap kesan buruk penyalahgunaan bahan dipengaruhi oleh latar belakang pendidikan dan status pekerjaan ibu bapa, sekali gus menegaskan bahawa peningkatan kesedaran berperanan penting dalam membentuk sikap penolakan terhadap dadah dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi.

Namun begitu, dapatan kajian oleh Ahmad et al. (2015) di Kashmir menunjukkan hasil yang berbeza. Kajian ini melibatkan 400 orang remaja dalam kalangan pelajar untuk menilai tahap kesedaran mereka terhadap penyalahgunaan dadah. Dapatan menunjukkan bahawa kebanyakan remaja di Kashmir cenderung kepada pengambilan dadah kerana mudah terpengaruh

oleh rakan sebaya serta mula terlibat dengan dadah atau merokok secara tetap sebelum umur 18 tahun. Kajian ini mendapati bahawa responden tidak mempunyai tahap kesedaran yang baik terhadap ketagihan dadah. Hal ini disebabkan oleh kurangnya kawalan diri dalam penggunaan dadah dan tanggapan bahawa penggunaan dadah haram dianggap sebagai perkara biasa. Kesimpulannya, kesedaran terhadap bahaya dadah merupakan elemen penting dalam usaha mencegah penglibatan dalam ketagihan dadah. Untuk membentuk kesedaran tersebut, seseorang individu perlu mempunyai pengetahuan yang betul dan mencukupi mengenai kesan buruk penyalahgunaan dadah.

OBJEKTIF DAN HIPOTESIS KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk menilai keberkesanan Modul Pencegahan Penyalahgunaan Bahan Berasaskan sikospiritual (MPPBBP) yang dibina berasaskan tiga pemboleh ubah utama iaitu kerohanian, kepercayaan, dan pengetahuan tentang bahaya dadah, khusus untuk belia di kawasan berisiko. Objektif kajian ini adalah seperti berikut: (1) Mengenal pasti kesan Modul MPPBBP terhadap tahap Pengetahuan tentang dadah, dalam kalangan kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan pada peringkat pra dan pasca ujian, (2) Mengenal pasti kesan Modul MPPBBP terhadap tahap kerohanian dalam kalangan kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan pada peringkat pra dan pasca ujian, dan (3) Mengenal pasti kesan Modul MPPBBP terhadap kepercayaan berkaitan penyalahgunaan dadah dalam kalangan kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan pada peringkat pra dan pasca ujian. Berdasarkan objektif yang dinyatakan, hipotesis kajian yang diuji adalah seperti berikut: (1) H_{01} : Tiada perbezaan yang signifikan dalam pengetahuan tentang dadah antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan pada peringkat pra dan pasca selepas kumpulan eksperimen menjalani Modul MPKK, (2) H_{02} : Tiada perbezaan yang signifikan dalam tahap kerohanian antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan pada peringkat pra dan pasca selepas kumpulan eksperimen menjalani Modul MPPBBP dan (3) H_{03} : Tiada perbezaan yang signifikan dalam tahap kepercayaan berkaitan penyalahgunaan dadah antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan pada peringkat pra dan pasca selepas kumpulan eksperimen menjalani Modul MPPBBP.

KAEDAH KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini merupakan satu bentuk penyelidikan eksperimen yang dijalankan bagi menilai keberkesanan Modul MPPBBP yang dibangunkan oleh penyelidik terhadap kumpulan sampel yang terlibat. Menurut Creswell (2015), kajian eksperimen ditakrifkan sebagai proses penyelidikan yang digunakan untuk menguji sesuatu idea, kaedah atau amalan bagi menilai kesannya terhadap pemboleh ubah tertentu. Sementara itu, Sidek (2002) menjelaskan bahawa reka bentuk kajian eksperimen melibatkan pelaksanaan beberapa eksperimen yang bertujuan mengenal pasti hubungan sebab dan akibat dengan membandingkan kumpulan yang menerima intervensi serta kumpulan kawalan yang tidak menerima sebarang rawatan. Disebabkan terdapat kekangan untuk mendapatkan sampel yang mewakili keseluruhan populasi di Malaysia, penyelidik memilih untuk menggunakan pendekatan kuasi-eksperimen dalam kajian ini bagi menilai keberkesanan modul pencegahan dadah yang dibangunkan. Kaedah ini dianggap hampir menyerupai eksperimen sebenar kerana turut melibatkan dua kumpulan iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan, di mana kedua-duanya menjalani ujian pra dan pasca (Frankle & Wallen, 2009). Perbezaan utama antara reka bentuk eksperimen sebenar dan kuasi-eksperimen ialah dari segi kaedah pemilihan sampel. Dalam kajian ini, pemilihan responden tidak dilakukan secara rawak sepenuhnya, tetapi berdasarkan kriteria tertentu yang sesuai dengan objektif penyelidikan.

Pendekatan kuasi-eksperimen ini lazim digunakan dalam penyelidikan yang menilai keberkesanan modul, strategi pengajaran atau program intervensi, terutamanya dalam situasi sebenar di mana pelaksanaan eksperimen tulen sukar dijalankan (Newman, 1991; Omar, 2008; Gribbons & Herman, 2011; Chua, 2013). Walaupun begitu, Creswell (2015) menegaskan bahawa pendekatan ini mempunyai beberapa risiko terhadap kesahan dalaman kajian yang berpotensi mempengaruhi dapatan penyelidikan. Antara risiko tersebut termasuk faktor sejarah, kematangan, regresi statistik, pemilihan dan kehilangan responden, serta interaksi antara pemboleh ubah dan pemilihan responden kajian.

Sampel dan Lokasi Kajian

Kajian ini merupakan kajian eksperimen yang melibatkan seramai 33 orang peserta dalam kumpulan eksperimen dan 33 orang lagi dalam kumpulan kawalan, menjadikan jumlah keseluruhan 66 orang responden. Kajian telah dijalankan di sebuah kawasan panas (hot spot) di negeri di bahagian selatan Semenanjung Malaysia. Kawasan ini dikenal pasti oleh Agensi Antidadah

Kebangsaan (AADK) sebagai salah satu lokasi yang mempunyai masalah penyalahgunaan dadah dalam kalangan remaja. Langkah-langkah yang diambil oleh penyelidik dalam proses pemilihan sampel adalah seperti berikut: (1) Penyelidik menghubungi Majlis Belia Daerah bagi mendapatkan senarai persatuan belia yang berdaftar di bawah majlis tersebut, (2) Bagi pemilihan sampel kumpulan eksperimen, semua ahli dalam persatuan belia telah diberikan borang soal selidik untuk menjalani ujian pra (pre-test). Soalan-soalan dalam ujian pra ini melibatkan tiga alat pengukuran utama yang digunakan untuk menilai keberkesanan modul, (3) Penyelidik kemudian memilih responden yang memperoleh skor min pada tahap sederhana atau rendah dalam ujian pra sebagai sampel bagi kumpulan eksperimen, dan (4) Responden dengan skor min yang rendah dalam ujian pra turut dipilih kerana penyelidik ingin melihat kesan keberkesanan modul selepas intervensi dijalankan.

Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data dalam kajian ini dijalankan melalui dua peringkat utama, iaitu ujian pra (pre-test) dan ujian pasca (post-test). Langkah-langkah pengumpulan data adalah seperti berikut: (1) Setelah mendapat kelulusan yang diperlukan, penyelidik telah mengedarkan borang persetujuan termaklum (informed consent) bersama instrumen ujian pra kepada responden untuk diisi, (2) Ujian pra ini dilaksanakan bagi mengenal pasti responden yang memperoleh skor min pada tahap sederhana atau rendah bagi ketiga-tiga pemboleh ubah bersandar yang dikaji, (3) Berdasarkan skor ujian pra, seramai 66 orang responden yang menunjukkan skor rendah telah dipilih dan seterusnya dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan, (4) Selepas mengenal pasti peserta dalam kumpulan eksperimen, penyelidik telah melantik empat orang fasilitator untuk melaksanakan modul intervensi, (5) Penyelidik telah memberikan latihan khusus kepada fasilitator supaya mereka memahami objektif modul dan tatacara pelaksanaan dengan betul. Seterusnya, modul dilaksanakan kepada kumpulan eksperimen oleh fasilitator terlatih ini dan (6) Setelah selesai pelaksanaan modul, instrumen kajian diedarkan semula kepada semua responden sebagai ujian pasca (post-test) untuk diisi, bagi tujuan perbandingan dan analisis keberkesanan modul.

Analisis Data

Data dalam kajian ini telah dianalisis menggunakan perisian Statistical Programme for the Social Sciences (SPSS) Versi 23. Analisis data bagi setiap objektif kajian diringkaskan dalam Jadual 1. Penyelidik menggunakan analisis ujian-t (t-test) bagi menilai kesan sebelum dan selepas pelaksanaan modul ke atas pemboleh ubah bersandar iaitu kepercayaan, pengetahuan dan kepercayaan terhadap dadah, dengan membandingkan kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan pada peringkat pra dan pasca ujian. Menurut kajian Moghadam et al., (2023) menunjukkan bahawa ujian-t bebas digunakan bagi membandingkan kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan, serta mendapati terdapat perbezaan yang signifikan selepas pelaksanaan. Bagi menilai perbezaan skor ujian pra antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan, penyelidik telah menggunakan ujian-t sampel bebas (independent sample t-test) untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara kedua-dua kumpulan. Dalam ujian-t sampel bebas, nilai $p < 0.05$ digunakan sebagai aras keertian untuk menilai sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dalam keputusan ujian pra antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Hasil Kajian

Jadual yang berikut menunjukkan perbandingan keputusan ujian pra dan pasca antara kumpulan kawalan dan kumpulan eksperimen. Hasil ini memberi gambaran tentang keberkesanan Modul Pencegahan Penyalahgunaan Bahan Berasaskan Psikospiritual (MPPPBPP) selepas diuji ke atas 66 orang responden yang dibahagikan secara seimbang antara kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan.

Jadual 1. Kaedah Analisis Data Berdasarkan Objektif Kajian dan Instrumen Pengukuran yang Digunakan

No	Objektif	Analisa Data	Alat ukur
1	Untuk mengkaji keberkesanan pemboleh ubah kerohanian	T-Test	Muslim Spiritual Quotient Inventory (MSQI)
2	Untuk mengkaji keberkesanan pemboleh ubah pengetahuan	T-Test	ACREDA Awareness Scale
3	Untuk mengkaji keberkesanan pemboleh ubah kepercayaan terhadap kemudaran penyalahgunaan dadah	T-Test	ACREDA Awareness Scale

Jadual 2. Keputusan Pra dan Pasca Ujian antara Kumpulan Kawalan dan Kumpulan Eksperimen bagi Semua Pembolehubah

Pembolehubah	Kumpulan	M	SD	t	df	p
Kerohanian	Experiment					
	Pre-test ($n = 33$)	172.24	25.520			
	Post-test ($n = 33$)	188.12	6.014	-3.686	32	.001
	Control					
Pengetahuan	Experiment					
	Pre-test ($n = 33$)	99.48	7.608			
	Post-test ($n = 33$)	106.42	14.830	-2.143	32	.040
	Control					
Kepercayaan	Experiment					
	Pre-test ($n = 33$)	28.91	2.810			
	Post-test ($n = 33$)	32.91	1.926	-7.407	32	.000
	Control					
	Pre-test ($n = 33$)	30.18	3.186			
	Post-test ($n = 33$)	29.82	4.384	.344	32	.733

Kesan terhadap Kerohanian bagi Kumpulan Eksperimen dan Kawalan

Berdasarkan Jadual 2 di atas, nilai t bagi kumpulan eksperimen adalah -3.686 ($p = 0.01 < 0.05$). Manakala, nilai t bagi kumpulan kawalan adalah 1.377 ($p = 0.01 > 0.05$). Oleh itu, hipotesis nol (H_0) ditolak. Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap kerohanian bagi kumpulan eksperimen sebelum dan selepas melalui modul MPPBBP, di mana terdapat peningkatan

nilai min pada peringkat pra dan pasca ujian (Pra-tes = 172.24, Pasca-tes = 188.12). Keputusan ini berbeza dengan kumpulan kawalan yang menunjukkan tiada perbezaan signifikan dalam tahap kerohanian sebelum dan selepas modul, malah terdapat penurunan nilai min pada kedua-dua peringkat tersebut (Pra-tes = 172.24, Pasca-tes = 170.12). Selain itu, perbandingan antara kumpulan selepas ujian (post-test) menunjukkan bahawa nilai min kumpulan eksperimen adalah lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan (kumpulan eksperimen = 188.12, kumpulan kawalan = 170.12).

Kesan terhadap tahap pengetahuan bagi Kumpulan Eksperimen dan Kawalan

Berdasarkan Jadual 2 di atas, nilai t bagi kumpulan eksperimen adalah -2.143 ($p = 0.040 < 0.05$). Oleh itu, hipotesis nol (H_0) ditolak. Manakala nilai t bagi kumpulan kawalan adalah -0.897 ($p = 0.566 > 0.05$) dan hipotesis nol diterima. Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap asertif sendiri bagi kumpulan eksperimen sebelum dan selepas melalui modul MPPBBP, di mana terdapat peningkatan nilai min pada peringkat pra dan pasca ujian (Pra-tes = 99.48, Pasca-tes = 106.42). Sebaliknya, bagi kumpulan kawalan, terdapat penurunan nilai min tahap asertif sendiri pada peringkat pra dan pasca ujian (Pra-tes = 101.18, Pasca-tes = 100.76). Perbandingan antara kumpulan pada peringkat pasca ujian menunjukkan bahawa nilai min kumpulan eksperimen adalah lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan (kumpulan eksperimen = 106.42, kumpulan kawalan = 100.76).

Kesan terhadap Kepercayaan Mengenai Penyalahgunaan Dadah bagi Kumpulan Eksperimen dan Kawalan

Berdasarkan Jadual 2 di atas, nilai t bagi kumpulan eksperimen adalah -7.407 ($p = 0.000 < 0.05$). Oleh itu, hipotesis nol (H_0) ditolak. Begitu juga bagi kumpulan kawalan dengan nilai t sebanyak 0.344 ($p = 0.000 < 0.05$), hipotesis nol juga ditolak. Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam kepercayaan mengenai penyalahgunaan dadah bagi kumpulan eksperimen sebelum dan selepas menjalani modul MPPBBP, di mana terdapat peningkatan nilai min pada peringkat pra dan pasca ujian (Pra-tes = 28.91, Pasca-tes = 32.91). Sebaliknya, bagi kumpulan kawalan, terdapat perbezaan dalam nilai min kepercayaan mengenai penyalahgunaan dadah antara pra dan pasca ujian dengan penurunan nilai min (Pra-tes = 30.18, Pasca-tes = 29.82). Perbandingan antara kumpulan pada peringkat pasca ujian menunjukkan nilai min kumpulan eksperimen adalah lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan (kumpulan eksperimen = 32.91, kumpulan kawalan = 29.82).

PERBINCANGAN

Hasil dapatan menunjukkan bahawa Modul MPPBBP berjaya meningkatkan tiga aspek utama iaitu kerohanian, pengetahuan dan kepercayaan terhadap bahaya dadah dalam kalangan peserta. Dapatan ini menyokong teori bahawa dimensi kerohanian mampu menjadi faktor pelindung terhadap kecenderungan penyalahgunaan bahan (Miller, 2007; Bonelli & Koenig, 2013). Kajian oleh Heinz et al. (2007) menunjukkan bahawa pengalaman kerohanian membantu individu membina daya tahan terhadap tekanan hidup serta mengurangkan risiko relaps. Unsur kerohanian juga menggalakkan penghayatan nilai moral dan belas kasihan (Emmons, 2000). Dalam konteks kajian ini, aktiviti seperti refleksi diri, muhasabah dan diskusi kumpulan dalam modul MPPBBP membentuk kesedaran sendiri dan tanggungjawab sosial yang lebih tinggi. Pendekatan ini juga sejajar dengan dapatan Robinson et al. (2007, 2011) yang mendapati amalan keagamaan dan kerohanian memberi kesan positif terhadap pemulihan penagihan alkohol dan dadah. Malah, Arshad et al. (2020) menegaskan bahawa aktiviti kerohanian seperti solat, zikir dan tazkirah mampu memperkukuh keseimbangan antara jasmani, rohani dan akal dalam proses pemulihan. Tambahan pula, kajian National Center on Addiction and Substance Abuse (2011) menunjukkan bahawa individu yang mempunyai pegangan agama yang kukuh tiga hingga lima kali ganda lebih rendah kecenderungannya untuk terlibat dalam penyalahgunaan bahan.

Dari segi teori, kajian ini turut disokong oleh Teori Tingkah Laku Terancang (Ajzen, 1991) yang menyatakan bahawa niat dan kepercayaan seseorang terhadap kesan sesuatu tingkah laku mempengaruhi tindakan mereka. Individu yang memiliki kepercayaan kuat tentang keburukan dadah cenderung untuk mengelak daripada menggunakannya. Hal ini juga selari dengan Model Kepercayaan Kesihatan (Rosenstock et al., 1988) yang menjelaskan bahawa persepsi terhadap ancaman kesihatan dan manfaat pencegahan menentukan tindakan seseorang. Kepercayaan turut berfungsi sebagai faktor pelindung terhadap kecenderungan penyalahgunaan bahan dalam kalangan lelaki dan wanita. Dapatan ini selaras dengan Model Kepercayaan Kesihatan (Health Belief Model - HBM) yang mengandaikan bahawa seseorang individu lebih cenderung melaksanakan tindakan pencegahan apabila mereka menganggap ancaman terhadap kesihatan sebagai sesuatu yang serius, merasakan diri berisiko, dan menilai bahawa faedah pencegahan melebihi kos yang perlu ditanggung (Rosenstock et al., 1988). Model ini menekankan bahawa persepsi

individu terhadap keadaan kesihatan menjadi penentu utama kepada pembentukan tingkah laku berkaitan kesihatan.

Elemen teras yang mempengaruhi tingkah laku kesihatan menurut HBM meliputi persepsi terhadap kebarangkalian dijangkiti penyakit (perceived susceptibility), tahap keterukan penyakit (perceived severity), manfaat yang dijangka hasil daripada tindakan pencegahan (perceived benefits), halangan yang dirasakan (perceived barriers), pencetus kepada tindakan (cues to action), serta kecekapan sendiri (self-efficacy). Namun demikian, berbeza dengan pendekatan HBM yang menekankan aspek kepercayaan individu terhadap penyakit dan tindakan pencegahan, satu kajian oleh National Center on Addiction and Substance Abuse (2011) di Amerika Syarikat mendapati bahawa individu dewasa yang tidak menitikberatkan nilai agama mempunyai risiko tiga kali ganda lebih tinggi untuk terlibat dalam tabiat pengambilan alkohol secara berlebihan, dan hampir empat kali ganda lebih tinggi untuk menggunakan dadah terlarang. Kajian tersebut turut menunjukkan bahawa mereka yang jarang atau tidak pernah menghadiri upacara keagamaan mempunyai kemungkinan lebih lima kali ganda untuk menggunakan dadah terlarang, serta hampir tujuh kali ganda lebih cenderung untuk minum arak secara berlebihan berbanding individu yang menghadiri aktiviti keagamaan sekurang-kurangnya sekali seminggu.

Laporan tersebut menegaskan bahawa “agama dan spiritualiti memainkan peranan yang amat penting dalam pencegahan serta rawatan penyakit,” di samping menyoroti bahawa individu yang memiliki pegangan agama atau spiritual yang kukuh lazimnya lebih sihat, pulih dengan cepat, dan menikmati jangka hayat yang lebih panjang berbanding mereka yang kurang berpegang pada aspek keagamaan (National Center on Addiction and Substance Abuse, 2011). Secara keseluruhan, dapatan ini memperlihatkan bahawa kepercayaan agama mempunyai pengaruh besar dalam konteks kesihatan dan pencegahan ketagihan, sementara Model Kepercayaan Kesihatan pula lebih menumpukan kepada persepsi individu terhadap risiko dan manfaat pencegahan. Kesimpulannya, pendekatan berasaskan keagamaan dan spiritual dapat memperkukuh daya tahan diri terhadap pengaruh negatif dadah.

LIMITASI DAN CADANGAN KAJIAN AKAN DATANG

Kajian ini dilaksanakan di hanya satu kawasan berisiko tinggi yang dikenal pasti oleh AADK dan tidak merangkumi semua zon yang disenaraikan di Malaysia. Oleh itu, dapatan tidak boleh digeneralisasikan kepada seluruh populasi belia berisiko. Tambahan pula, tempoh kajian yang singkat tidak membolehkan penilaian kesan jangka panjang selepas intervensi dijalankan.

Bagi penyelidikan masa hadapan, disarankan agar modul MPPBBP diuji semula dalam tempoh lebih panjang (3–6 bulan selepas pelaksanaan) bagi menilai keberkesanan berterusan terhadap perubahan sikap dan tingkah laku. Kajian lanjutan juga wajar melibatkan sampel daripada pelbagai negeri dan latar belakang sosial agar hasil dapatan lebih menyeluruh dan mantap.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa dalam Modul Pencegahan Penyalahgunaan Bahan Berasaskan Psikospiritual (MPPBBP) berupaya meningkatkan tahap pengetahuan, penghayatan kerohanian dan kepercayaan terhadap bahaya dadah dalam kalangan belia berisiko. Elemen kerohanian berfungsi sebagai benteng dalaman yang membantu individu menolak pengaruh negatif serta memperkuh jati diri. Dapatan ini memberi implikasi penting kepada agensi kerajaan, institusi pendidikan dan pemimpin komuniti dalam merangka strategi pencegahan yang lebih efektif. Modul berasaskan kerohanian bukan sahaja membantu mengurangkan risiko penglibatan belia dalam penyalahgunaan bahan, tetapi turut menyumbang kepada pembentukan masyarakat yang lebih sejahtera dan bebas dadah.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia melalui Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS) bagi projek bertajuk ‘Fostering Long-term Change to Create Drug-Free Community in Malaysian Youth: Understanding the Trajectories and Genetics in the Development of Effective Prevention and Intervention Model with Smart Geo-Spatial Apps Monitoring’ (Kod geran JPT: LRGS/1/2019/UKM/02/2/6). Projek ini merupakan hasil kerjasama bersama penyelidik dari Pusat Penyelidikan Dadah Asia (ACREDA), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), serta pasukan penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Projek ini melibatkan Kumpulan Projek 6 – dengan tajuk ‘Pembangunan Modul Pencegahan Berasaskan Psikospiritual ke Arah Komuniti Bebas Dadah’ (Kod geran USIM: USIM/LRGS/FKP/50119).

REFERENCES

- Abdullah, C. H. (2014). Intervensi Modul Bimbingan Islam Terhadap Masalah Kecelaruhan Kebimbangan Umum Dalam Kalangan Pelajar Universiti : Satu Kajian Kes. *Implementation Science*, 39(1), 45–56. [Google Scholar](#)
- Ahmad, B., Bhat, R. S., & Sidiq, M. M. (2015). Awareness Of Drug Addiction Among College Students Of Kashmir Valley. *International Journal of Education and Research*, 1(1), 1–14. [Google Scholar](#)
- Agensi Anti Dadah Kebangsaan. (2022). Buku Maklumat Dadah 2022. [Laporan]. Agensi Anti Dadah Kebangsaan.
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179–211. [https://doi.org/10.1016/0749-5978\(91\)90020-T](https://doi.org/10.1016/0749-5978(91)90020-T)
- Ajzen, I. (2001). Nature and operation of attitudes. *Annual Review of Psychology*, 52, 27–58. <https://doi.org/10.1146/annurev.psych.52.1.27>
- Ajzen, I. (2002). Perceived behavioral control, self-efficacy, locus of control, and the theory of planned behavior. *Journal of Applied Social Psychology*, 32(4), 665–683. <https://doi.org/10.1111/j.1559-1816.2002.tb00236.x>
- Alsharari, M., & Greenhalgh, D. (2023). Incorporation of awareness programs into a model of the spread of HIV/AIDS among people who inject drugs. *Engineering Reports*, 5(5), 1–28.
- Arshad, M. A., Shabbir, M. S., Mahmood, A., Khan, S., & Sulaiman, M. A. B. A. (2020). An exploration of IQ, EQ, spiritual quotient (SQ) elements in the human reengineering program (HRP) practices: A study on the drug rehabilitation centre in Malaysia. In *Journal of Human Sport and Exercise* (Vol. 15, Issue Proc2, pp. S417–S428). <https://doi.org/10.14198/jhse.2020.15.Proc2.32>
- Az-Zahrani, M. S. (2005). Konseling terapi. In *Gema Insani Press*. Gema Insani Press. [Google Scholar](#)
- Azhar, A. H., Adanan, M. J., Ishak, M. S., & Koharuddin, M. B. (2004). Pembelajaran Arahan Kendiri Dan Hubungannya Dengan Kefahaman Terhadap E-Pembelajaran: Satu Kajian Di Kalnagan Staf Akademik Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. *Zhurnal Eksperimental'noi i Teoreticheskoi Fiziki*, 53(9), 1689–1699. [Google Scholar](#)

- Bonelli, R. M., & Koenig, H. G. (2013). Mental Disorders, Religion and Spirituality 1990 to 2010: A Systematic Evidence-Based Review. *Journal of Religion and Health* (Vol. 52, Issue 2, pp. 657–673). <https://doi.org/10.1007/s10943-013-9691-4>
- Bryan, A. (2000). *Drug-related knowledge, attitudes and beliefs in Ireland : report of a nationwide survey* (p. 88). [Google Scholar](#)
- Chakravarthy, B., Shah, S., & Lotfpour, S. (2013). Adolescent drug abuse - Awareness & prevention. *Indian Journal of Medical Research*, 137(6), 1021–1023. [Google Scholar](#)
- Chile, L. M., & Simpson, G. (2004). Spirituality and community development: Exploring the link between the individual and the collective. *Community Development Journal*, 39(4), 318–331. <https://doi.org/10.1093/cdj/bsh029>
- Chua, Y. P. (2020). Mastering Research Statistic. *McGraw-Hill Education (Asia)*, May, 530. [Google Scholar](#)
- Creswell, J. W. (2015). Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research. In *Nucl. Phys.* (5th ed., Vol. 13, Issue 1, pp. 104–116). [Google Scholar](#)
- Crocq, M. A. (2007). Historical and cultural aspects of man's relationship with addictive drugs. *Dialogues in Clinical Neuroscience*, 9(4), 355–361. <https://doi.org/10.31887/dcns.2007.9.4/macrocq>
- Das, S., Kamath, V. G., Prabhu, D. A., Prahara, S. K., & Pandey, A. K. (2025). Knowledge and Attitude Regarding Substance Use and Its Determinants Among College Students in a Coastal Town of South India. *Indian journal of psychological medicine*, 47(1), 25–31.
- Emmons, R. A. (2000). Spirituality and intelligence: Problems and prospects. *International Journal of Phytoremediation*, 21(1), 57–64. https://doi.org/10.1207/S15327582IJPR1001_6
- Fraenkel, J. R., & Wallen, N. E. (2009). How to Design and Evaluate Research in Education. In *McGraw-Hill Higher Education* (7th ed., Issue 0). McGraw-Hill. [Google Scholar](#)
- Ganji, F., Khani, F., Karimi, Z., & Rabiei, L. (2022). Effect of assertiveness program on the drug use tendency, mental health, and quality of life in clinical students of Shahrekord University of Medical Sciences. *Journal*

-
- of Education and Health Promotion*, 11(1), 48.
https://doi.org/10.4103/jehp.jehp_107_21
- Gribbons, B., & Herman, J. (2011). True and Quasi-Experimental Designs True and QuasiExperimental Designs . *Journal of Practical Assessment*, 5(14), 26–37. <https://doi.org/10.7275/fs4z-nb61>
- Hashim. (2015). *Pengujian Pengukuran dan Penilaian Pendidikan Jasmani*.
[Google Scholar](#)
- Heinz, A., Epstein, D. H., & Preston, K. L. (2007). Spiritual/Religious Experiences and InTreatment Outcome in an Inner-City Program for Heroin and Cocaine Dependence.
Journal of Psychoactive Drugs, 39(1), 41–49.
<https://doi.org/10.1080/02791072.2007.10399863>
- Hoey. (2014). *English dictionary for advanced learners*. Macmillan Education. [Google Scholar](#)
- Horan, J. J., D'Amico, M. M., & Williams, J. M. (1975). Assertiveness and patterns of drug use: a pilot study. *Journal of Drug Education*, 5(3), 217–221. <https://doi.org/10.2190/NLB1-T51N-B58Q-6BTP>
- Hamimah, K., M. J., Afiffuddin, M., & Azizi, C. S. (2011). Penerapan Agama Dalam Modul Psikospiritual dan Kesannnya Terhadap Kesihatan Spiritaul: Kajian Kes di Kompleks Dar Assaadah Kuala Lumpur. *Journal Um*, 1(1), 1–15. [Google Scholar](#)
- Jailani, M. R. & Osman, A. B. (2015). Integrasi terapi psikospiritual Islam dalam modul rawatan dan rehabilitasi berasaskan tc (Therapeutic community). *International Drug Prevention And Rehabilitation Conference (Prevent 2015)*, 11(11), 98–109. [Google Scholar](#)
- Jamilah Ahmad., Fauziah Md Taib., Suriati Binti Saad. (2023). Media sosial sebagai pendekatan alternatif pendidikan pencegahan dadah di Malaysia. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 39(2), 78–96.
- Marican, S. (2005). *Membentuk suasana kerja positif*. Utusan Publications. [Google Scholar](#)
- Mark, W., Hanson., Konstantinos, Zougrs., Orlando, Garcia-Santiago. (2023). Contextualizing drug use and pharmacological harm in the United States: a socio-historical overview. *Journal of Ethnicity in Substance Abuse*, 4(2), 450–478.

- Maulinsari, P. G., & Purnama, D. S. (2022). Assertive Behavior Development for Drug Abuse Prevention through Group Guidance Services. *AL-ISHLAH: Jurnal Pendidikan*, 14(3), 3537–3544.
<https://doi.org/10.35445/alishlah.v14i3.1737>
- McDonald, R. (2012). The spirituality of community life: When we come 'round right. In *The Spirituality of Community Life: When We Come 'Round Right*. Haworth Pastoral Press.
<https://doi.org/10.4324/9780203051412>
- Miller, W.R., Bogenschütz, M. . (2007). Spirituality and addiction. *The Routledge International Handbook of Spirituality in Society and the Professions*, 231–238.
https://doi.org/10.4324/9781315445489_27
- Moghadam, Z. B., Narafshan, M. H., & Tajadini, M. (2023). The effect of implementing a critical thinking intervention program on English language learners' critical thinking, reading comprehension, and classroom climate. *Asian-Pacific Journal of Second and Foreign Language Education*, 8, Article 15.
- Mohd Izwan, B. M. Y., & Saiful Azhar, B. S. (2015). Peranan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) Dalam Menangani Isu Penagihan Dadah Melalui Intervensi Kerohanian: Kajian Pelaksanaan Program 2011-2015. *Angewandte Chemie International Edition*, 6(11), 951–952., 6(Prevent), 37–40.
[Google Scholar](#)
- Muomah, R., Odinka, P., ... K. A.-N. J. of, & 2020, U. (2020). Assertiveness and self-esteem of persons with drug use problems in a developing country: A comparative study. *Njpsyresearch.Com*, 16(2). [Google Scholar](#)
- Muzaffar H. Mir, Rajiv K. Gupta, Bhavna Langer, Rashmi Kumari, Mahajan, R., Mehak Taban
Mir, Hemaal Koul, Amani Majeed, Burhan Hameed, Raheel Murtaza Nazir, & Sirjan Singh. (2023). Pattern, knowledge and attitude regarding substance use among youth (11-24 years): findings from an

-
- exploratory survey. *International Journal of Community Medicine and Public Health*, 10(3), 1218–1223.
- Newman, M. A. (1991). The Research-Practice Relationship: Commentary: Research and Practice. *Nursing Science Quarterly*, 4(3), 100–101. <https://doi.org/10.1177/089431849100400305>
- Noor, M. S. (2012). Pembinaan modul bimbingan “Tazkiyah An-Nafs” dan kesannya ke atas religiositi dan resiliensi remaja. In *Universiti Utara Malaysia* (pp. 1–286). [Google Scholar](#)
- Omar, A. H., (2008). *Kaedah penyelidikan bahasa di lapangan*. 1–161. [Google Scholar](#)
- Omura, M., Maguire, J., Levett-Jones, T., & Stone, T. E. (2017). The effectiveness of assertiveness communication training programs for healthcare professionals and students: A systematic review. *International Journal of Nursing Studies*, 76, 120–128. <https://doi.org/10.1016/j.ijnurstu.2017.09.001>
- Ornell, F., Moura, H. F., Scherer, J. N., Pechansky, F., Kessler, F. H. P., & von Diemen, L. (2020). The COVID-19 pandemic and its impact on substance use: Implications for prevention and treatment. *Psychiatry Research*, 289, 113096.
- Palamar, J. J. (2013). An Examination of Beliefs and Opinions about Drug Use in Relation to Personal Stigmatization towards Drug Users. *Journal of Psychoactive Drugs*, 45(5), 367–373. <https://doi.org/10.1080/02791072.2013.843044>
- Pallant, J. (2011). A step by step guide to data analysis using SPSS. In *Alen & Unwin* (4th ed.). McGraw-Hill.
- Rahman, M. R. A., Muthaliff, M. M. A., Sawai, R. P., & Ramly, M. (2022). Unveiling the Forgotten Aspect of Good Deeds: A Comparative Study of Muslims Thoughts. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 12(9). <https://doi.org/10.6007/ijarbss/v12-i9/14188>
- Reese, H. W. (1997). Spirituality, Belief, and Action. *The Journal of Mind and Behavior*, 18(1), 29–51. [Google Scholar](#)
- Robinson, E. A. R., Cranford, J. A., Webb, J. R., & Brower, K. J. (2007). Six-month changes in spirituality, religiousness, and heavy drinking in a

- treatment-seeking sample. *Journal of Studies on Alcohol and Drugs*, 68(2), 282–290. <https://doi.org/10.15288/jsad.2007.68.282>
- Robinson, E. A. R., Krentzman, A. R., Webb, J. R., & Brower, K. J. (2011). Six-month changes in spirituality and religiousness in alcoholics predict drinking outcomes at nine months. *Journal of Studies on Alcohol and Drugs*, 72(4), 660–668. <https://doi.org/10.15288/jsad.2011.72.660>
- Rozmi Ismail, Mohd Rizal Abdul Manaf, Mohd Rohaizat Hassan, Azmawati Mohammed Nawi, & Norhayati Ibrahim. (2022). Prevalence of drug and substance use among Malaysian youth: A nationwide survey. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 19(8), 4684.
- Shafie, A. A. H., Walid, D. A., Aziz, A. R. B. A., Yassin, N. M., Baharudin, D. F. B., Othman, K., Jaladin, R. A. B. M., Amat, S., & Wahab, S. (2023). The Effectiveness of a Drug Abuse Prevention Module Based on Self-Assertiveness, Spirituality and Belief in the Detriments of Drug Abuse (MPDASK). *Islamic Guidance and Counseling Journal*, 6(2).
- Yigitoglu, G., & Keskin, G. (2019). Relationship between dysfunctional beliefs and stress coping methods in drug-addicted patients: A sample of Turkey. *Indian Journal of Psychiatry*, 61(5), 508-519.